

Hubungkait antara Objektif Kokurikulum dengan Pemahaman Etika Profesional Pelajar di Kolej Komuniti Paya Besar

Nur Salehah Saadon
Kolej Komuniti Cawangan Maran
E-mail: nursalehah.saadon@gmail.com

Aziana Che Aziz
Kolej Komuniti Cawangan Maran
E-mail: adz_yan1011@yahoo.com

Mohd Sanusi Mohd Mokhtar
Kolej Komuniti Paya Besar
E-mail: m.sanusi05@gmail.com

Abstract

Learning about professional ethics is much applied in the co-curriculum subjects at the Paya Besar Community College (KKPB). The purpose of this study is to examine the level of early understanding of students on professional ethics based on variables that have elements that contribute to student understanding such as awareness arising after engaging in any of the co-curriculum subjects offered for the General Studies subject of Paya Besar Community College. The population of the study is the students who are in KKPB for each semester which is undergoing co-curriculum activities at KKPB. The number of samples was 30 people. The number of samples was obtained through a questionnaire as a research instrument for collecting data. The data were analyzed using the Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) ver 21.0 to obtain mean value analysis and Pearson Correlation Test. The results of the study showed that the level of early understanding of the professional ethics of students was high (mean = 4.41). The findings of this study are useful in assisting prospective employees especially students as well as those involved in managing the co-curriculum activities ie college management, especially the Lecturer of the General Studies Unit to arrange a more systematic teaching strategy based on co-curricular objectives designed for each field ie sports, club / and uniformed bodies to create effective teaching and subsequently produce potential caliber workers

Keywords: professional ethics, co-curriculum, Paya Besar Community College

Abstrak

Pembelajaran tentang etika profesional banyak dilaksanakan di dalam mata pelajaran kokurikulum di Kolej Komuniti Paya Besar (KKPB). Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap pemahaman awal pelajar mengenai etika profesional berdasarkan pembolehubah yang mempunyai elemen-elemen yang menyumbang kepada pemahaman pelajar seperti kesedaran yang timbul setelah terlibat dalam mana-mana mata pelajaran kokurikulum yang ditawarkan bagi subjek Pengajian Am Kolej Komuniti Paya Besar. Populasi kajian adalah pelajar-pelajar yang berada di KKPB bagi setiap semester yang mana sedang menjalani kegiatan kokurikulum di KKPB. Bilangan sampel adalah seramai 30 orang. Bilangan sampel diperolehi melalui borang soal selidik sebagai instrumen kajian untuk mengumpul data. Data kajian telah dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) ver 21.0* bagi mendapatkan analisis nilai min dan Ujian Korelasi jenis *Pearson*. Hasil kajian secara keseluruhan menunjukkan tahap pemahaman awal etika profesional pelajar berada pada tahap tinggi iaitu (min = 4.41). Hasil dapatan kajian ini berguna dalam membantu bakal pekerja terutamanya pelajar dan juga yang terlibat dalam menguruskan perjalanan kegiatan kokurikulum iaitu pihak pengurusan kolej terutama pensyarah Unit Pengajian Am untuk mengatur strategi

pengajaran yang lebih sistematik berdasarkan objektif kokurikulum yang dirangka bagi setiap bidang iaitu sukan, kelab/persatuan dan badan beruniform bagi mewujudkan pengajaran berkesan dan seterusnya melahirkan bakal pekerja yang berkaliber.

Kata Kunci: etika profesional, kokurikulum, Kolej Komuniti Paya Besar

1.0 Pengenalan

Etika profesional dapat dijelaskan sebagai suatu alat kawalan sosial terhadap golongan profesional yang membolehkan organisasi dan masyarakat mengawasi dan menilai tingkah laku mereka dari semasa ke semasa. Di negara Barat, masyarakat Barat melihat jurutera sebagai kurang sensitif kepada kebimbangan masyarakat dan kurang peduli terhadap masyarakat daripada saintis (National Academy of Engineering (NAE), 2012). Etika profesional semakin menjadi penting sejak kebelakangan ini kerana ianya mempunyai ciri-ciri khusus seperti ilmu pengetahuan, latihan yang meluas dan berterusan serta melibatkan komponen intelektual, memberikan perkhidmatan kepada masyarakat dan sebagainya. Majlis Akreditasi Kejuruteraan Malaysia (EAC) di Malaysia memerlukan pelajar dididik secara profesional dan tanggungjawab etika serta kesan kejuruteraan penyelesaian dalam konteks global dan sosial (Engineering Accreditation Council Malaysia. <http://www.eac.org.my/web/document/EACManual2007.pdf>, 2012).

Menurut D. Riley. (2012), satu tingkahlaku yang beretika memerlukan satu kesedaran yang bermula dari senario yang seakan-akan sama dengan situasi sebenar. Bagi pekerja yang telah biasa dengan senario sebegitu tidak akan merasa umur canggung untuk mempratikkan segala peraturan yang melibatkan arahan beretika. Perspektif pekerja akan lebih rasional dan sentiasa berusaha menyumbang perkhidmatan terbaik kepada kejayaan sebuah organisasi. Tindakan pekerja ini akan menemui kepuasan dalam bekerja, mempunyai hubungan dengan perspektif bidang pekerjaan dan kefahaman pekerja yang bijak mampu mengendalikan bidang tugas mereka berdasarkan kepada etika yang dilaksanakan di dalam bidang profesion.

Etika profesional juga merupakan satu proses pembelajaran. Di peringkat tertuari, pelajar turut berpeluang menyertai kegiatan kokurikulum. Di dalam kokurikulum, pelajar akan didedahkan dengan segala jenis proses Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) yang tidak formal. Di sinilah pemahaman pelajar akan berkembang dan memerlukan pembinaan yang lebih teratur. Meskipun tidak bergelar profesional lagi, ilmu ini penting bagi pelajar sebagai ilmu pengetahuan yang akan membatasi mereka daripada perkara-perkara yang tidak diingini dan sekiranya mereka terpaksa juga berada dalam situasi yang mendorong mereka untuk melakukan perkara yang tidak beretika, mereka dapat menghindarkan diri sebelum terjebak lebih jauh ke kancah yang tidak sepatutnya. Perkara seperti ini dapat dielakkan setelah mereka mendapat pendidikan awal yang berkesan melalui penceburan mereka dalam kegiatan kokurikulum (Ryan C. Campbell et. al, 2012). Melalui kokurikulum, pelajar dapat membuat pertimbangan yang sewajarnya berdasarkan masalah yang dihadapi oleh mereka. Dengan adanya ilmu yang diterapkan kepada mereka, mereka juga dapat mengimbangi baik dan buruk sesuatu masalah sebelum membuat

keputusan agar keputusan yang diputuskan oleh mereka tidak mengundang kemudaratan kepada orang awam. Oleh yang demikian, salah satu objektif kokurikulum yang dilaksanakan di KKPB iaitu memupuk dan memanjangkan budaya baik lagi cemerlang bagi generasi pengambil alih pada masa akan datang akan tercapai.

1.2 Latar Belakang Masalah

Pelajar yang bermasalah mungkin akan mengundang masalah kepada sesiapa sahaja nanti kerana tidak memiliki kemahiran insaniah yang diperlukan dalam pekerjaan. Ramai pelajar berpendapat aktiviti kokurikulum hanyalah merupakan satu aktiviti bebas atau aktiviti sampingan tanpa memperlihatkan matlamat dan objektif yang nyata. Meskipun begitu, falsafah pengurusan matapelajaran kokurikulum di KKPB adalah untuk memberi pelbagai ruang kepada para pelajar bersosialisasi di samping beriadah dan mempelajari cabang ilmu yang baru melalui interaksi penglibatan. Berikutan penceburan dalam kegiatan kokurikulum ini, diharapkan dengan kemahiran-kemahiran yang dipelajari melalui aktiviti-aktiviti tersebut boleh memupuk gaya hidup (*life style*) yang sihat. Apabila pelajar yang bermasalah diambil bekerja dalam satu majikan, majikan yang menggajikannya akan beranggapan bahawa pelajar berkenaan adalah seorang pekerja yang berkemampuan, namun akan pasti silap dalam menilai kebolehan pelajar tersebut kerana pelajar tersebut bukanlah seorang mampu menjadi seorang yang kompeten. Maka, etika profesional cuba menjelaskan peranan profesion dan tingkah laku yang patut diamalkan oleh golongan profesional.

Penekanan tentang etika profesional telah dilaksanakan mengikut caranya masing-masing meskipun pada tahap yang dilanjutkan agar pengisian ilmu mengenai etika menjadi lebih berkesan (E. Conlon dan H Zandvoort, 2011). Sememangnya mereka akan memperolehi pengetahuan mengenai etika profesional dalam kelas secara formal, tetapi bukan semua akan melaksanakannya dan menganggapnya penting dalam kehidupan.

Tambahan lagi, dari sehari ke sehari semakin ramai komuniti masyarakat bergantung dengan mendadak terhadap teknologi, maka semakin banyak dan banyak tanggungjawab yang menjadikan mereka yang pakar dalam teknologi untuk mengandaikan bahawa ketanggungjawaban untuk melindungi orang awam daripada teknologi yang mampu mendatangkan ancaman terhadap orang awam akan menjadi kusut dan selalu tersilap anggaran. Ini pasti membahayakan nyawa serta kepentingan orang ramai. Kenyataan ini turut disokong oleh Ryan C. Campbell et. al (2012) turut menjelaskan bahawa pelajar yang akan menjadi pekerja mahir dan separuh mahir perlu mengadaptasikan kepelbagaian bidang kemahiran untuk menangani masalah dalam sosial kemasyarakatan pada masa kini.

1.3 Pernyataan Masalah

Apabila negara mensasarkan pelajar keluaran Institut Pengajian Tinggi (IPT) sebagai sumber tenaga kerja profesional, mereka perlulah diberi penerapan dan pengajaran yang dapat membekalkan mereka bukan sahaja dengan ilmu pengetahuan malahan mereka perlu dibentuk dan diajar mengenai etika profesional. Ini disebabkan oleh rata-rata majikan masa kini

terpaksa menghabiskan sejumlah wang yang besar untuk menghantar dan melatih pekerja untuk menghadiri kursus atau seminar berkaitan ilmu etika profesional. Daripada tinjauan didapati bahawa semua pekerja yang menerima sijil daripada Kolej Komuniti seharusnya mengemas kini pengetahuan mereka dengan keperluan serta kemahiran bekerja yang terkini. Hasil daripada keperluan tersebut, timbul kesedaran kepada pihak Institusi Pengajian Tinggi (IPT) untuk mengeluarkan graduan yang mempunyai etika profesional setelah melalui program kokurikulum yang ditawarkan di IPT. Tingkahlaku beretika dan kejujuran merupakan satu kemahiran generik atau "*employability skills*" yang ditekankan dalam program kokurikulum. Maka, objektif kegiatan kokurikulum adalah untuk mendedahkan pelajar kepada proses pembelajaran di luar kelas di mana penerapan dan kemahiran yang diperolehi secara informal. Selain daripada itu, kokurikulum merupakan bidang pembelajaran yang memberi penekanan kepada pemupukan semangat, nilai dan sikap melalui penyertaan dalam berbagai-bagai jenis kegiatan (J. Strobel, 2011).

Namun begitu, pelajar di pengajian peringkat tertiar amat lemah dalam penguasaan etika dan kejujuran serta tidak memahami kod etika di dalam alam pekerjaan kelak (B. Balakrishnan et. al, 2013). Malahan kenyataan yang dinyatakan Kenji Takahara dan Toshinori Kajiwara (2013) mengukuhkan lagi bahawa semakin majunya sesuatu teknologi, semakin meningkatnya tanggungjawab dan kefahaman etika profesional terhadap kepentingan sosial kemasyarakatan.

Selaras dengan pemantapan kurikulum yang telah lama diterapkan, matapelajaran kokurikulum telah dilaksanakan oleh KKPB sebagai aktiviti memantapkan pembelajaran di dalam kelas, namun belum ada satu tinjauan yang dilakukan terhadap tahap pemahaman awal pelajar mengenai etika profesional di KKPB dan satu analisis perlu dilakukan bagi mengenalpasti adakah penglibatan pelajar di dalam kokurikulum memberikan pengetahuan yang mantap dalam kalangan pelajar mengenai etika profesional.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan latar belakang kajian dan pernyataan masalah, berikut adalah merupakan objektif bagi kajian ini:

1. Mengetahui tahap pemahaman awal dalam kalangan pelajar terhadap etika profesional di Kolej Komuniti Paya Besar.
2. Mengetahui tahap kesedaran dalam kalangan pelajar yang terlibat dalam kegiatan kokurikulum terhadap etika profesional di Kolej Komuniti Paya Besar.
3. Mengetahui tahap kesediaan pelajar KKPB untuk mengamalkan beberapa aspek mengenai etika profesional di dalam alam pekerjaan kelak.
4. Mengetahui hubungan yang signifikan antara sumber-sumber lain yang berkaitan etika profesional termasuklah latar belakang keluarga, pengaruh rakan sebaya serta peranan pensyarah terhadap pemahaman awal pelajar mengenainya.

2.0 Kajian Literatur


Institusi Pengajian Tinggi (IPT) juga tidak terkecuali daripada mengaplikasikan kesemua elemen-elemen ini malahan lebih ditekankan supaya graduan yang dihasilkan lebih bermutu dan berkualiti dalam mengisi kekosongan tenaga kerja negara yang semakin kekurangan dan perlu diberi perhatian sewajarnya. Menyedari pelajar tidak boleh dibekalkan dengan ilmu pengetahuan akademik semata-mata untuk meneruskan kehidupan kelak, maka unsur-unsur nilai hidup juga diterapkan dalam kurikulum.

Bidang pendidikan mengandungi dua elemen penting yang menjadi teras untuk memberi ilmu kepada pelajar iaitu kurikulum dan kokurikulum. Oleh itu, kokurikulum ialah satu saluran pembelajaran yang berasaskan gerak kerja yang tersusun dan terancang yang sebahagian besar aktiviti dilakukan di luar masa Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) (E. Conlon dan H. Zandvoort, 2011). Tambahan pula, kokurikulum pula merupakan aktiviti yang digubal bertujuan bagi membentuk sahsiah pelajar di samping mengisi kekosongan masa di kalangan pelajar (B. Balakrishnan et. al, 2013).

Antara kegiatan-kegiatan kokurikulum adalah seperti permainan, kelab, badan beruniform dan sebagainya. Melalui kegiatan serta aktiviti kokurikulum, pendidikannya diperolehi merupakan satu pengalaman pembelajaran meliputi aspek akal, adab, fizikal, efektif dan sosial yang diterapkan secara formal supaya dapat mengamati, menghayati, menganalisis, dan menyelesaikan sesuatu masalah supaya hasilnya dapat digunakan seumur hidup. Secara keseluruhannya, aktiviti kokurikulum juga adalah rantaian pengalaman pembelajaran yang berkesinambungan. Gerak kerja kokurikulum adalah jelmaan berbentuk amali daripada ciri-ciri ilmuwan dan nilai yang terdapat dalam kokurikulum. Sebagai satu bidang pendidikan setiap pelajar harus melibatkan diri (D. R. May dan M. T. Luth, 2013).

Di IPT pemeraksanaan kokurikulum dalam sistem pengajian perlu diberi penekanan sewajarnya. Langkah ini sejajar dengan dasar Kementerian Pendidikan Malaysia yang menerima guna pencapaian kokurikulum seseorang pelajar semasa di sekolah menengah dan perlu meneruskannya di peringkat IPT. Ini menunjukkan aspek kokurikulum telah dikembangkan agar setiap matapelajaran kokurikulum yang boleh disertai oleh pelajar bervariasi dan sentiasa mengikut peredaran masa selaras dengan kehendak pelajar. Tinjauan ini turut disokong oleh Mitch Parcell et. al (2014) yang menjelaskan bahawa kajian berkaitan etika profesional telah diadaptasi dengan baik dalam subjek kokurikulum di peringkat tertiar terutama di universiti, politeknik termasuklah di institut kemahiran yang menekankan pembelajaran teknikal seperti Kolej Komuniti (KK), Institut Latihan Perindustrian (ILP), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan sebagainya.

Rajah 1 di bawah menunjukkan kerangka kajian yang mengkaji hubungan di antara elemen-elemen yang mendorong serta mempengaruhi pemahaman pelajar Kolej Komuniti Paya Besar mengenai etika profesional sehingga objektif kokurikulum tercapai.



Rajah 1: Kerangka kajian

Berdasarkan kajian literatur, dua hipotesis kajian dibentuk untuk menguji persoalan kajian iaitu:

H_a: Terdapat hubungan yang signifikan sumber-sumber lain berkaitan dengan etika profesional terhadap pemahaman awal pelajar mengenai etika profesional.

H_o: Tiada hubungan yang signifikan sumber-sumber lain berkaitan dengan etika profesional terhadap pemahaman awal pelajar mengenai etika profesional.

3.0 Metodologi Kajian

Pengkaji telah memilih kaedah kuantitatif yang pada akhirnya akan melibatkan analisis data secara statistik. Kaedah ini bagi memudahkan pengkaji mendapat maklumat berkaitan setiap dimensi pemahaman pelajar tentang etika profesional dalam pelaksanaan objektif bagi setiap matapelajaran kokurikulum.

Soal selidik digunakan sebagai instrumen bagi kajian ini dan telah diadaptasikan daripada kajian terdahulu. Kaedah ini dipilih oleh pengkaji kerana cara pengumpulan data dalam jumlah yang banyak pada kos yang rendah dalam tempoh yang singkat. Satu kajian rintis telah dijalankan untuk melihat kebolehpercayaan yang tinggi dan menguji kesesuaian instrumen kajian yang digunakan. Oleh yang demikian, kajian ini akan mengambil seramai 8 orang pelajar Sijil Sistem Komputer dan Rangkaian di Kolej Komuniti Cawangan Maran untuk menjawab ujian tahap pemahaman awal serta kesedaran dalam kalangan pelajar mengenai etika profesional. Nilai “*alpha-cronbach*” yang diperolehi setelah dijawab dengan baik oleh pelajar adalah bernilai 0.989 dengan sebanyak 75 soalan soal selidik yang berkaitan dengan persoalan kajian ini.

Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik yang mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A, dan B. Bahagian A mengandungi maklumat responden dan bahagian B, C, D, dan E mengandungi item untuk mengukur sejauhmana pemahaman pelajar di KKPB mengenai etika profesional hasil daripada pembelajaran matapelajaran kokurikulum yang diwajibkan kepada setiap pelajar di KKPB. Skala Likert 1 hingga 5 seperti Jadual 2 digunakan untuk mengukur maklum balas responden bagi setiap item yang dikemukakan.

Jadual 2: Tafsiran Skala Likert

Skala	Skor
Sangat Setuju	5
Bersetuju	4
Kecuali	3
Tidak Setuju	2
Sangat Tidak Setuju	1

Jadual 3: Tafsiran Skor Min

Kumpulan	Min	Aspek Tahap
1	1.00 – 2.39	Rendah
2	2.39 – 3.79	Sederhana
3	3.80 – 5.00	Tinggi

Analisis statistik deskriptif digunakan untuk mendapatkan skor min dan sisihan piawai. Skor min yang diperolehi daripada bahagian-bahagian ini akan menjawab kepada persoalan kajian yang mana ditentukan oleh purata min skor yang dapat ditafsirkan nilainya dengan merujuk kepada

tafsiran skor min. Interpretasi nilai skor min adalah ditunjukkan seperti dalam Jadual 3.

4.0 Dapatan Kajian

Merujuk kepada Jadual 4, dapatan kajian menunjukkan analisis nilai keseluruhan aspek yang menentukan hubungkait antara objektif kokurikulum dengan pemahaman etika profesional pelajar Kolej Komuniti Paya Besar.

Jadual 4: Analisis Nilai Min bagi Objektif Kokurikulum dengan Pemahaman Etika Profesional Pelajar KKP

Aspek dan Tahap yang Dikaji (Pembolehubah)	Nilai Min	Tahap
Pemahaman Awal Pelajar Mengenai Etika Profesional	4.39	Tinggi
Kesedaran Setelah Menghadiri Kelas, Aktiviti dan Tugas Kokurikulum	4.45	Tinggi
Kesediaan Pelajar Mengamalkan Etika Profesional Dalam Alam Pekerjaan Kelak	4.38	Tinggi
Sumber-sumber Lain berkaitan Etika Profesional yang mempunyai Hubungan yang Signifikan dengan Pemahaman Awal Pelajar KKP mengenai Etika Profesional	4.41	Tinggi

Nilai min bagi aspek kesedaran setelah menghadiri kelas, aktiviti dan tugas kokurikulum adalah yang tertinggi nilai min iaitu sebanyak 4.45, diikuti dengan aspek sumber-sumber lain berkaitan etika profesional yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan pemahaman awal pelajar KKP mengenai etika profesional sebanyak 4.41 serta aspek pemahaman awal pelajar mengenai etika profesional dengan nilai min keseluruhan 4.39. Seterusnya ialah aspek kesediaan pelajar mengamalkan etika profesional dalam alam pekerjaan kelak pula dengan nilai 4.38. Secara keseluruhannya hasil kajian menunjukkan aspek sumber-sumber lain berkaitan etika profesional yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan pemahaman awal pelajar KKP mengenai etika profesional merupakan aspek yang paling mempengaruhi kepada hubungkait antara objektif kokurikulum dengan tahap pemahaman etika profesional pelajar Kolej Komuniti Paya Besar.

Merujuk kepada Jadual 5, dapatan kajian menunjukkan nilai min bagi beberapa soalan bagi soal selidik yang telah diisi dan diedarkan kepada pelajar Kolej Komuniti Paya Besar adalah tinggi.

Jadual 5: Analisis Aspek Menentukan Hubungkait Objektif Kokurikulum dengan Tahap Pemahaman Etika Profesional Pelajar KKPB

No.	Soalan Soal Selidik	Nilai Min
1.	Mempunyai ilmu asas yang mencukupi untuk berperanan sebagai seorang pekerja dengan cekap.	4.35
2.	Boleh mengaplikasikan pengetahuan sedia ada dengan baik untuk menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan bidang yang diceburi.	4.39
3.	Mempunyai budi pekerti yang baik dalam komuniti masyarakat dengan membantu insan yang berada dalam kesusahan.	4.46
4.	Menunjukkan minat yang mendalam sekaligus menghayati segala pembelajaran yang diperolehi sehinggakan dapat mengembangkannya dalam kehidupan seharian.	4.50
5.	Mampu berinteraksi melalui penglibatan dengan rakan-rakan lain yang datang daripada pelbagai latar belakang tanpa rasa diskriminasi yang berlebihan.	4.54
6.	Memahami tanggungjawab sebagai seorang pekerja di dalam organisasi di tempat kerja masing-masing.	4.46
7.	Berkebolehan untuk menggunakan kemahiran sedia ada bagi membantu perjalanan organisasi majikan.	4.46
8.	Mendapat kasih sayang yang mencukupi daripada kedua-dua ibu bapa.	4.46
9.	Pensyarah menunjukkan kepakaran dalam subjek yang diajar, di samping menerima pandangan yang berbeza daripada pelajar.	4.42

Berdasarkan Jadual 6, keputusan ujian Korelasi jenis *Pearson* bagi melihat hubungan yang signifikan antara kedua-dua *variable* iaitu sumber-sumber lain yang berkaitan dengan etika profesional terhadap pemahaman awal pelajar mengenainya. Daripada dapatan yang diperolehi oleh penyelidik, [$r = 0.000$, $p > 0.08$] bagi pembolehubah sumber-sumber lain terhadap pemahaman awal pelajar dan kekuatan hubungan ini adalah di tahap yang agak tinggi. Keputusan ujian Korelasi jenis *Pearson* yang diperolehi mendapati nilai varians menunjukkan 86.1% daripada pemahaman awal pelajar tentang etika profesional disebabkan oleh sumber-sumber lain yang menyumbang kepada pemahaman mereka. Penerangan daripada keputusan ini membuktikan nilai varians boleh digunakan sebagai petunjuk pengaruh faktor (X) iaitu sumber-sumber lain berkaitan etika profesional yang menyebabkan perubahan dalam kesan (Y) iaitu pemahaman awal pelajar dalam suatu perhubungan. Walau bagaimanapun, dalam kes ini, 13.9% faktor lain tidak dapat dikesan. Peratusan ini mungkin disebabkan oleh sikap interpersonal pelajar, kerajinan, motivasi, kebolehan pelajar membina pengetahuan sendiri melalui pembacaan dan pemerhatian daripada media massa dan faktor lain yang tidak ditunjukkan serta tidak dikaji dalam perhubungan ini.

Secara keseluruhannya, terdapat hubungan yang signifikan bagi sumber-sumber lain berkaitan etika profesional terhadap pemahaman awal pelajar mengenainya pada aras signifikan yang sederhana 0.000 dengan pekali korelasinya yang 0.861.

Jadual 6: Korelasi *Pearson* antara Sumber-sumber Lain berkaitan Etika Profesional dengan Pemahaman Awal Pelajar Mengenai Etika Profesional

Keputusan Korelasi	Jumlah Bahagian B	Jumlah Bahagian E
Jumlah B Korelasi <i>Pearson</i>	1	0.861
Hubungan (2-hala)	-	0.000
N (Jumlah)	30	30
Jumlah E Korelasi <i>Pearson</i>	0.861	1
Hubungan (2-hala)	0.000	-
N (Jumlah)	30	30

5.0 Perbincangan

Perbincangan kajian ini adalah berdasarkan kepada empat objektif kajian yang dibangunkan.

5.1 Aspek Tahap Pemahaman Awal Pelajar Mengenai Etika Profesional

Objektif dan persoalan yang pertama bagi kajian ini ialah bagi melihat sejauhmana pemahaman awal pelajar yang sedang menjalani kegiatan kokurikulum di KKPB mengenai etika profesional. Berdasarkan dapatan kajian, didapati pelajar KKPB mempunyai pemahaman awal yang tinggi terhadap aspek etika profesional dengan min keseluruhan ialah 4.41.

Daripada keseluruhan item bagi pemahaman awal pelajar, didapati responden memperolehi min yang tinggi dalam mempunyai budi pekerti yang baik dalam komuniti masyarakat dengan membantu insan yang berada dalam kesusahan (skor min = 4.46). Ini menunjukkan responden mempunyai pemahaman terlebih dahulu sebelum memasuki kegiatan kokurikulum dan telah memiliki personaliti yang hampir sama dengan aspek yang sangat ditekankan dalam etika profesional. Tinjauan yang dilaksanakan oleh Mitch Parsell et. al, (2014) turut menjelaskan bahawa pelajar seharusnya memiliki pengetahuan asas tentang persekitaran pekerjaan yang bakal dijadikan sebagai satu fahaman atau anggapan yang mana selari dengan kod personaliti diri mereka untuk membangkitkan inisiatif pelajar yang berhasrat memperbetulkan peraturan etika kepada satu standard yang lebih profesional.

5.2 Aspek Tahap Kesedaran pelajar setelah terlibat dalam Kegiatan Kokurikulum di KKPB mengenai Etika Profesional

Berdasarkan dapatan yang diperolehi, responden lebih menyedari kepentingan aspek etika profesional yang ditekankan kepada pelajar secara tidak langsung tanpa disedari oleh pelajar berdasarkan kepada pengajaran dalam kegiatan kokurikulum yang dilakukan oleh pensyarah. Penerimaan

setiap pelajar adalah berbeza-beza bergantung kepada kemampuan pelajar menerima pelajaran yang diajar oleh pensyarah. Wilson et. al (2014) membuat tinjauan dengan mengatakan bahawa penyertaan guru adalah sangat penting.

5.3 Aspek Tahap Kesediaan pelajar KKPB untuk mengamalkan Etika Profesional di dalam Alam Pekerjaan kelak

Apabila menyentuh berkaitan dengan salah satu cabang pendidikan, aspek etika dalam konteks profesionalisme yang seringkali diutarakan dalam isu semasa sekarang ialah pelajar tidak bersedia untuk mengamalkan amalan murni dalam kehidupan. Kenji Takahara dan Toshinori Kajiwara. (2013) menyatakan perspektif tentang kepentingan etika bukan sahaja boleh diterapkan dengan baik tetapi turut menggalakkan pelajar mengambil bahagian dalam mana-mana peraturan etika seperti peraturan am sekolah tetapi peraturan yang beretika ini mesti diteruskan semenjak pelajar menghadirkan diri di universiti termasuklah di Kolej Komuniti, dan sesiapa yang tidak memiliki kematangan dalam menilai kepentingan etika, sememangnya pelajar tersebut tidak tahu langsung tentang kod yang berorientasikan peraturan-peraturan bagi setiap profesion.

5.4 Aspek Hubungan yang Signifikan antara Sumber-sumber Lain yang Berkaitan Etika Profesional termasuklah Latar Belakang Keluarga, Pengaruh Rakan Sebaya serta Peranan Pensyarah terhadap Pemahaman Awal Pelajar mengenainya

Dapatan kajian yang dilaksanakan kepada responden yang dipilih terbukti bahawa majoriti rata-rata para pelajar memperolehi perhatian serta kasih sayang yang baik daripada ibu bapa masing-masing. Ini dapat dibuktikan apabila nilai min bagi item soalan soal selidik tentang mendapat kasih sayang yang mencukupi daripada kedua-dua ibu bapa memperolehi nilai min sebanyak 4.46. Dapatan ini turut disokong dengan Marina Schwimmer & Bruce Maxwell (2017) yang menjelaskan bahawa pelajar yang sentiasa dipantau, diberi perhatian serta mempunyai hubungan yang rapat dengan ibu bapa sentiasa fokus dalam pelajaran malahan mempunyai akhlak yang baik dan bersahsiah tinggi.

6.0 Cadangan

Berdasarkan dapatan kajian, terdapat beberapa pendekatan yang dicadangkan bagi memantapkan lagi institusi kolej komuniti. Pertama, skop kajian dalam kajian ini difokuskan kepada KKPB sahaja. Oleh itu, disarankan kepada yang berminat menjalankan kajian yang berkaitan agar kajian yang sama dilaksanakan di institusi pendidikan seperti di kolej komuniti yang lain. Kedua, disarankan kajian ini yang berkaitan pemahaman etika profesional dilanjutkan terhadap pensyarah dan kakitangan KKPB pula agar kajian ini dapat diperluaskan dan pemahaman golongan sebenar profesional ini dinilai dengan baik. Ketiga, data dan maklumat kajian ini amat penting dalam memberi input kepada KKPB sebagai maklum balas penting bagi meningkatkan kualiti pengajaran kegiatan kokurikulum agar mementingkan aspek etika profesional dalam

bidang pengajaran masing-masing supaya penyelarasan skop dapat dibuat dengan teliti. Cadangan yang dapat dikemukakan antaranya adalah seperti memperbanyakkan lagi elemen-elemen pengajaran yang banyak memaparkan tentang realiti sebenar kehidupan yang berkaitan dengan etika profesional.

7.0 Kesimpulan

Hasil kajian yang telah dilaksanakan dapat dirumuskan bahawa sebahagian besar pelajar mempunyai pemahaman awal yang sangat memuaskan mengenai etika profesional. Boleh dikatakan bahawa sebelum pelajar terlibat dalam kegiatan kokurikulum, pelajar telahpun memiliki sebahagian pemahaman yang baik tentang etika profesional. Sebahagian besar aspek etika yang akan diguna pakai dalam bidang profesional pelajar terbentuk apabila pelajar terlibat secara aktif dan komprehensif dalam mana-mana kegiatan kokurikulum. Ciri-ciri profesionalisme pensyarah yang mengajar di dalam kokurikulum sedikit sebanyak mempengaruhi sahsiah dan keperibadian pelajar yang sememangnya diperlukan agar dapat dicontohi dan diteladani oleh pelajar.

Rujukan

- B. Balakrisnan, P.H. Er, and P. Viswanathan (2013). "Socio-Ethical Education in Nanotechnology Engineering Programme: A Case Study in Malaysia", *Science and Engineering Ethics*, vol.19, no.1, pp. 1341-1355, 2013.
- D. R. May and M. T. Luth (2013). "The effectiveness of ethics education: A quasi-experimental field study". *Science and Engineering ethics*, vol. 19, no. 2, pp. 545-568, 2013.
- D. Riley (2012), "Engineering and social justice," *Synthesis Lectures on Engineers, Technology and Society*, vol. 3, no. 1, pp. 1-152, 2008. <http://www.morganclaypool.com/doi/abs/10.2200/S00117ED1V01Y2007>. Accessed: 15 April 2012.
- E. Conlon and H. Zandvoort (2011). "Broadening ethics teaching in engineering: Beyond the individualistic approach". *Science and Engineering Ethics*, vol. 17, no.2, pp. 217-232, 2011.
- Engineering Accreditation Council Malaysia. <http://www.eac.org.my/web/document/EACManual2007.pdf>, 2012.
- J. Strobel, C. Morris, L. Klingler, R. C. Pan, M. Dyehouse, and N. Webber (2011). "Engineering as a Caring and empathetic discipline: Conceptualizations and comparisons." In *Proceedings of research in Engineering Education Symposium, Madrid, Spain, 2011*.

- Kenji Takahara and Toshinori Kajiwara (2013). "Engineering Ethics Education on the Basis of Continuous Education to Improve Communication Ability". *Electrical Engineering in Japan*, 2013 Wiley Periodicals Inc., Vol. 183, No. 3, 2013.
- Marina Schwimmer and Bruce Maxwell (2017), "Codes of ethics and teacher's professional autonomy". Routledge Taylor & Francis Group. *Ethics and Education* 2017. <http://dx.doi.org/10.1080/17449642.2017.1287495>
- Mitch Parsell, Trudy Ambler and Christa Jacenyik-Trawoger (2014). "Ethics in higher education research". *Studies in Higher Education*, Vol. 39, No. 1, 166-179, <http://dx.doi.org/10.1080/03075079.2011.647766>
- National Academy of Engineering (NAE) (2012), Committee on Public Understanding of Engineering, Changing the Conversation: Messages for Improving Public Understanding of Engineering. Washington DC, USA: National Academies Press, 2008. Accessed: 15 April 2012 http://www.nap.edu/catalog.php?record_id=12187.
- Ryan C. Campbell, Ken Yasuhara, and Denise Wilson (2012). "Care Ethics in Engineering Education". Undergraduate Student Perceptions of Responsibility. University of Washington, Seattle, USA. IEEE, 2012.
- Wilson, D., Jones, D., Kim, M. J., Allendoerfer, C., Bates, R., Crawford, J., ... Veilleux, N. (2014). The link between cocurricular activities and academic engagement in engineering education. *Journal of Engineering Education*, 103(4), 625–651. <https://doi.org/10.1002/jee.20057>